

Bina benteng pemecah ombak

Ayub turut galak IPTA lakukan kajian berkaitan hakisan pantai, kaedah penyelesaian



Ayub (dua, kanan) mendengar penerangan Ja'afar (kiri) berkaitan hakisan ombak yang berlaku di sekitar Senggarang.

BATU PAHAT - Kerajaan memperuntukkan RM5 juta bagi membina benteng pemecah ombak bertujuan mengelak hakisan daripada terus berlaku di beberapa pantai di sekitar Senggarang, di sini.

Benteng berkenaan yang akan dibina bermula tahun depan adalah antara usaha mengatasi hakisan yang semakin serius dan mengawal paras air laut yang meningkat.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, terdapat sembilan kawasan pe-sisir pantai yang kritikal iaitu di sekitar Parit Botak, Sri Pantai, Sungai Lurus, Koris, Tanjung Laboh dan Bukit Batu.

Menurutnya, beliau turut menggalakkan mana-mana institut pengajian tinggi awam (IPTA) di negeri ini untuk melakukan kajian berkaitan hakisan pantai melibatkan

kaedah penyelesaian dan mengkaji arah ombak secara berterusan di Pantai Barat Johor.

Menurutnya, pelbagai kajian perlu dilakukan untuk atasi masalah ini dan kami galakkan IPTA melaksanakannya termasuklah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

"Selain pembinaan benteng pemecah ombak berkenaan, jika ada mana-mana IPTA mempunyai kaedah lain untuk mengatasi hakisan yang berlaku, mereka boleh laksanakan ia asalkan tidak mengganggu rutin harian nelayan di sini," katanya pada lawatan ke lokasi bersama Pengerusi Komuniti 1Malaysia (K1M) Johor, Ja'affar Hashim, di sini, semalam.

Beliau berkata, selain di Senggarang, terdapat beberapa kawasan lin mengalami masalah yang sama seperti di Tanjung Emas, Muar

dan Tanjung Piai, Pontian.

Menurutnya, projek itu akan dilaksanakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan dijangka siap dalam masa dua tahun malah kerajaan negeri akan mengemukakan permohonan tambahan daripada Kerajaan Pusat jika masih ada keperluan.

Tambahnya, JPS perlu memperincikan keperluan untuk membina pemecah ombak berkenaan secepat mungkin agar kerja yang bakal dilakukan ini berjalan lancar.

"Pada masa ini, ada sesetengah tempat sudah mempunyai benteng pemecah bertujuan untuk memperlakukan ombak.

"Bagaimanapun, ada sebahagian benteng berkenaan yang kini jaraknya 300 meter daripada pantai telah mulai pecah dan perlu dibaiki dengan segera," katanya.